

IQRA'



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Perpustakaan
Tun Abdul Razak

اقرأ

BULETIN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK



uitmlibrary



libraryuitm



libraryuitm



library.uitm.edu.my

World Of Compassion ·
WORLD #QuranHour
.... a beginning
24 RAMADAN 1442H / 6 MAY 2021

LIVE ^{HD} Tazkirah Ramadhan :
Andainya Ini Ramadhan Terakhir
UiTM Cawangan S. Alam **m/s 6**

LIVE ^{HD} Perlembagaan Persekutuan
Dan Rukun Negara **m/s 7**
UiTM Cawangan Shah Alam

LIVE ^{HD} Nasib Si Penyu
Di Pantai Ganu UiTM **m/s 13**
Cawangan Terengganu

Majlis Khatam Al-Quran dan
Bacaan Surah Al-Mulk UiTM **m/s 26**
Cawangan Sarawak

Sesi Chat Time PTAR 2021 bersama
Penolong Rektor UiTM **m/s 15**
Cawangan Negeri Sembilan

Apakah Peranan Pustakawan?

Pustakawan berperanan sebagai penyedia maklumat terkini kepada pengguna di pelbagai peringkat, sama ada pelajar, pensyarah mahupun orang awam. Oleh yang demikian, Pustakawan perlu mempunyai kemahiran (soft skill) yang pelbagai dalam urusan seharian. Pada pendapat puan, apakah kemahiran yang perlu ada dalam setiap Pustakawan, dan bagaimana cara untuk meningkatkan kemahiran tersebut?

“

Pustakawan memainkan peranan penting bukan sahaja kepada warga kampus, malah kini turut memberikan sumbangan kepakaran kepada masyarakat sekitar. Pustakawan adalah sebenarnya pemudahcara atau penghubung antara pelajar, pensyarah dan maklumat. Dengan adanya perkhidmatan seperti kelas kemahiran maklumat serta rujukan penyelidikan yang disediakan kini adalah untuk memastikan maklumat yang sahih dan terkini digunakan di dalam pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan. Selain itu, peranan Pustakawan kini turut dikembangkan melalui tanggungjawab sosial korporat (CSR) dalam memberikan kesedaran tentang pentingnya maklumat yang betul dan sahih digunakan dalam kehidupan. Ini termasuklah, masyarakat perlu disedarkan supaya tidak sewenang-wenangnya menggunakan maklumat palsu yang disebarluaskan tanpa sumber yang tepat dan benar.

Peranan Pustakawan ini perlulah ditingkatkan seiring dengan kemahiran yang diperlukan selari dengan tanggungjawab besarnya. Tiga kompetensi utama yang diperlukan adalah Sikap, Kemahiran dan Pengetahuan (Attitude, Skill, Knowledge - ASK).

- a. *SIKAP - Pustakawan perlulah bersikap terbuka, positif serta sentiasa membantu.*
- b. *KEMAHIRAN – Pustakawan perlu mahir semua bidang proses tugas utama, kreatif serta mahir dalam bidang IT dan komunikasi.*
- c. *PENGETAHUAN – Pustakawan perlu sentiasa mengambil peluang meningkatkan pengetahuan sama ada melalui pembelajaran formal dan tidak formal supaya sentiasa diperlengkapkan dengan pengetahuan-pengetahuan terkini*

Tidak dilupakan juga UiTM kini menekankan 3 Nilai Utama UiTM iaitu excellence, synergy, dan integrity (ESI) serta iDart - ilmu, disiplin, amanah, rajin dan tanggungjawab yang perlu dihayati bagi setiap warganya. Nilai yang diterapkan ini diharapkan akan meningkatkan kecemerlangan Pustakawan selari dengan penghasilan produktiviti, usaha penambahbaikan yang berterusan seterusnya menyumbang kepada kelestarian kehidupan.

KENALI PUSTAKAWAN

ANDA

31